

Putrajaya

Model pemberian tender Transit Ali-ran Massa (MRT) jajaran pertama Sungai Buloh-Kajang dipraktikkan kerajaan dalam penganugerahan tender projek ikonik negara pada masa depan.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak berkata, ini kerana model berkenaan terbukti berkesan dan projek MRT dilaksanakan mengikut jadual, di bawah bajet tanpa masalah atau skandal yang timbul.

Menurutnya, sebelum ini rakyat tidak mengetahui kerajaan mengamalkan proses yang sangat telus dan profesional dalam pemberian tender berkenaan.

“Dalam pemberian tender (berdasarkan model ini) jawatankuasa yang dipengerusikan saya dan beberapa anggota lain tidak tahu siapa (atau apa) nama syarikat yang menawarkan tender.

“Kami cuma diberikan kod misalnya PT1, PT2, PT3 dan apabila diputuskan siapa dapat kontrak baru ketua eksekutif membawakan surat kepada saya, bila surat itu dibuka baru saya tahu syarikat mana yang dapat kontrak itu,”katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Sambutan Ulang Tahun ke-50 penubuhan BPR/SPRM bertemakan Sehati Sejiwa Memerangi Rasuah dan perasmian Kompleks Baru Ibu Pejabat SPRM di Presint 7, di sini, semalam.

Turut hadir, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Tan Sri Dzulkifli Ahmad, Yang diPertua Dewan Negara Datuk S A Vigneswaran, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM Datuk Seri Azam Baki, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme) SPRM Datuk Seri Mohd Jamidan Abdullah dan



NAJIB bersama Dzulkifli (kiri) melihat model Ibu Pejabat SPRM di Putrajaya.

Model tender telus

■ Projek MRT bukti pelaksanaan ikut jadual, tanpa skandal

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM Datuk Shamsun Baharun Mohd Jamil.

Pada majlis sama, Perdana Menteri turut mengumumkan peruntukan segera berjumlah RM5 juta kepada Yayasan Prihatin SPRM untuk menjaga kebajikan anggota SPRM yang bekerja keras untuk membanteras rasuah.

Najib berkata, menerusi model berkenaan setiap tawaran tender mesti dinilai secara profesional dari segi kos dan teknikal.

Katanya, kerajaan menolak tawaran tender jika kos atau teknikal diberikan syarikat terlalu rendah.

“Kita kena pastikan apabila diberi kontrak, ia bukan saja tidak mendatangkan masalah dari segi pemberian rasuah, tetapi projek itu boleh dilaksanakan mengikut jadual.

“Ini mustahak, kalau kita nak kira dari segi rasuah saja kita bagi pada yang (bagi

tawaran) terendah takut nanti ada aduan dan projek boleh gagal, sekali gus menyusahkan rakyat dan menambah kos kepada kerajaan,” katanya.

Beliau berkata, kerajaan juga berharap pelaksanaan model itu memperbaiki kedudukan negara dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) tahun lalu yang berada pada tangga 55.

Najib berkata, kerajaan juga komited terus memerangi rasuah dan ia dilihat jelas melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP) 1.0 dan GTP 2.0 dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) membanteras rasuah, pelbagai usaha dilaksanakan termasuk mewujudkan Unit Pematuhan Dalam Agensi Penguatkuasaan Utama.

Katanya, Unit Pematuhan ini tertumpu kepada lima agensi penguatkuasaan utama iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen

(JIM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan SPRM.

“Kini, setiap agensi itu ada unit pematuhan sendiri yang memantau dan memastikan tingkah laku baik dalam kalangan pegawai mereka.

“Selain itu, kamera televisyen litar tertutup juga diperkenalkan di kawasan panas (hotspot) kastam dan imigresen bagi menyediakan kemudahan pemantauan terhadap segala tindak-tanduk pegawai penguatkuasa serta orang ramai,”katanya.

Najib berkata, program kedua mewujudkan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat kepada penjawat awam dan inisiatif ini untuk menggalakkan pemberi maklumat melaporkan ama-

lan rasuah dengan memberi sokongan dan perlindungan kepada mereka.

Ketiga, katanya, mempercepat perbicaraan rasuah, membangunkan pangkalan data Name And Shame yang dilaksanakan bagi mempercepatkan perbicaraan kehakiman terhadap kes rasuah dengan menubuhkan

14 Mahkamah Khas Rasuah untuk menangani masalah ini yang dikendalikan hakim berpengalaman.

Program keempat ialah menghapuskan rasuah daripada perolehan kerajaan dan korporat dengan mewujudkan portal MyProcurement bagi meningkatkan ketelusan dalam proses perolehan kerajaan dan meningkatkan keyakinan dalam proses pemberian tender kerajaan.

FAKTA
Peruntukan segera RM5 juta diberi kepada Yayasan Prihatin SPRM